

03 AUG 1996

Mahathir - Sekolah

KERAJAAN KAJI IMPLIKASI PERTUKARAN TARAF SEKOLAH TAMIL

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan bersedia mengkaji permintaan MIC supaya taraf sekolah Tamil ditukar kepada sekolah bantuan penuh kerajaan dan menempatkannya di kawasan-kawasan pertumbuhan baru.

Perdana Menteri berkata kedua-dua permohonan itu perlu dikaji kerana ia membabitkan syarat-syarat tertentu dan beberapa implikasi lain.

"Saya tak boleh bagi jawapan secara tepat sekarang sehingga kita kaji implikasinya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-43 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu, ketika menyampaikan ucapan dasarnya berkata taraf sekolah bantuan modal yang diberikan kepada sekolah Tamil tidak lagi sesuai pada zaman ini dalam usaha memastikan setiap kaum berpeluang mendapatkan pendidikan lebih baik.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata sekolah Tamil juga sepatutnya dipindahkan ke kawasan pertumbuhan baru kerana setiap tahun ramai pekerja estet dipindahkan ke kawasan seperti itu sehingga sekolah-sekolah Tamil yang ditinggalkan sering terpaksa ditutup.

Perdana Menteri berkata jika kerajaan bersetuju memindahkan sekolah-sekolah Tamil ke kawasan pertumbuhan baru ia akan melibatkan peruntukan tertentu.

"Ini kerana kebanyakan sekolah dalam estet dahulunya dibuat tanpa bantuan daripada (pengurusan) estet sama sekali. Kalau nak buat baru, tentu nak minta bantuan daripada kerajaan dan sebagainya," katanya.

Dalam hal ini, Dr Mahathir berkata, jika kerajaan menyediakan peruntukan kepada kaum India bagi tujuan seperti itu, kaum-kaum lain juga sudah pasti akan meminta peruntukan yang sama.

Mengenai permintaan MIC supaya lebih ramai pelajar berketurunan India diberi peluang melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan, beliau berkata masalah itu akan dapat diatasi dengan pembinaan lebih banyak universiti pada masa depan.

Ketika ditanya mengenai permohonan parti Barisan Progresif Rakyat India (IPF) untuk menyertai Barisan Nasional (BN), Perdana Menteri berkata BN terpaksa menolak kerana menjadi dasar gabungan itu membuat keputusan berdasarkan sebulat suara.

"Selagi ada ahli BN tak setuju kita tak boleh terima kerana ini satu unanimity rule (peraturan sebulat suara) yang kita ada," kata Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN.

Mengenai sama ada keputusan BN itu bermakna IPF, yang diterajui bekas Naib Presiden MIC Senator M.G. Pandithan, perlu dibubarkan dan ahlinya kembali ke pangkuan MIC, Perdana Menteri berkata ia terpulang kepada Pandithan dan anggotanya.

Ketika ditanya mengenai kurangnya penglibatan ahli profesional berketurunan India dalam MIC, Dr Mahathir berkata golongan itu patut sedar bahawa kejayaan mereka sedikit sebanyak hasil perjuangan MIC dalam BN.

"Golongan ini mungkin tidak mahu mengakui hakikat itu tetapi MIC sebenarnya telah banyak memperjuangkan hak dan nasib masyarakat India di negara ini, termasuk diri mereka," katanya. -- BERNAMA

AH MAI